



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**REMAJA BERILMU,
NEGARA BERWIBAWA**



Tarikh Bacaan:
29 MEI 2026M / 12 ZULHIJAH 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Remaja Berilmu, Negara Berwibawa

29 Mei 2026M/ 12 Zulhijjah 1447H – hari tasyrik

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ

الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿١١﴾ سورة الأحزاب

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيَكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Orang-orang yang bertakwa sentiasa memperbaiki diri dengan ilmu, iman dan akhlak mulia. Sesungguhnya orang yang terbaik dalam kalangan kita ialah mereka yang bertakwa.

Pada saat yang berbahagia ini, ayuh kita tinggalkan semua perbuatan sia-sia yang boleh menghakis pahala Jumaat kita, termasuklah tidur dengan sengaja, atau bercakap-cakap ketika khatib sedang

berkhutbah. Tinggalkan segala aktiviti melalui gajet dan telefon bimbit. Tetapkan pada pilihan mod senyap, atau matikan sehingga selesai menunaikan solat Jumaat.

Bukalah mata dan lapangkan dada, wahai sidang hadirin sekalian. Berilah tumpuan sepenuhnya terhadap khutbah yang bertajuk: **Remaja Berilmu, Negara Berwibawa.**

SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Berdasarkan laporan pihak berautoriti, pelbagai kes gejala sosial menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Laporan pada tahun 2024 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan, sejumlah 7,600 kes buli, 252 kes rogol dan sumbang mahram manakala hampir 300 kes jenayah melibatkan pergaduhan, kecurian dan merosakkan harta benda telah direkodkan.

Sewajarnya kita berasa bimbang kerana gejala negatif tersebut sebahagian besarnya melibatkan remaja Islam kita. Persoalan yang ingin dibangkitkan ialah, apakah peranan kita sebagai bapa dan ahli masyarakat demi memastikan keterjaminan pemimpin berkualiti pada masa akan datang?

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Dalam ayat yang khatib bacakan di permulaan khutbah, Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** telah berfirman dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang terbaik bagi kamu, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap keredaan Allah dan hari akhirat serta banyak mengingati Allah.”

Kita sedia maklum, baginda Nabi ﷺ merupakan contoh ikutan yang terbaik sepanjang zaman. Baginda adalah seorang bapa, suami, kawan, panglima perang, ketua negara dan lain-lain lagi. Kalimah uswah dalam ayat adalah istimewa kerana padanya disertakan elemen kasih sayang, belas kasihan dan juga perhatian. Contohnya dalam Perang Khandak, baginda bukan sahaja ketua yang hanya memberi arahan, tetapi baginda bersama para sahabat untuk menggali parit.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebahagian remaja hari ini banyak terdedah kepada media sosial dan kandungan dalam talian yang tidak terkawal, termasuk perkara yang boleh merosakkan akhlak dan mendorong kepada maksiat. Media sosial seperti *tiktok*, *insta* dan *threads* selain permainan dalam talian telah mengakibatkan ketagihan.

Lebih membimbangkan, terdapat lambakan kandungan tidak bermoral yang mudah diakses, sekaligus mempengaruhi remaja yang lemah jati diri untuk terjerumus ke dalam perbuatan yang dilarang agama. Justeru, ibu bapa dan ahli keluarga hendaklah sentiasa memantau penggunaan gajet serta aktiviti dalam talian anak-anak, di samping mendekatkan mereka dengan al-Quran sebagai benteng utama.

Hakikat yang perlu kita insafi, masih ramai remaja Islam yang belum mahir membaca al-Quran. Perkara ini wajar dipandang serius dengan mengenal pasti tahap penguasaan anak-anak serta menyediakan

bimbingan yang sewajarnya. Ingatlah sabda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ daripada Uthman bin Affan رَضِيَ اللهُ عَنْهُ:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya: "Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya". (Hadis riwayat al-Bukhari)

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja semakin membimbangkan, termasuk penggunaan kata-kata kesat dan makian tanpa rasa segan, walaupun ketika berhadapan dengan guru. Keadaan ini menuntut peranan serius ibu bapa dan guru untuk berganding bahu membimbing, memantau serta mendisiplinkan anak-anak agar membesar dengan akhlak yang mulia.

Dalam masa yang sama, ibu bapa juga perlu mengawasi pergerakan anak-anak remaja, khususnya yang diberi kebenaran memandu atau menunggang motosikal. Terdapat dalam kalangan mereka yang terlibat dengan aktiviti tidak sihat seperti lumba haram dan pelanggaran undang-undang jalan raya yang membahayakan diri serta orang lain.

Wahai para ayah, gunakanlah ketegasan dalam mendidik. Usah terlalu memberi kebebasan tanpa batas, khususnya pada waktu malam. Bak kata pepatah Melayu, "sayang anak tangan-tangankan". Dalam masa yang sama, masyarakat juga perlu memainkan peranan dengan menegur

dan melaporkan salah laku kepada pihak berkuasa demi mencegah kejadian yang tidak diingini.

Almarhum Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi pernah mengingatkan, masa depan sesebuah negara dapat dilihat pada keadaan generasi mudanya hari ini. Jika mereka dibina dengan akhlak yang baik dan nilai yang tinggi, maka akan lahir sebuah masyarakat yang aman, makmur dan diberkati.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita baru sahaja melalui hari-hari agung dalam bulan Zulkaedah yang sarat dengan ibrah pengorbanan. Kisah Nabi Ibrahim عَلَيْهِ السَّلَامُ dan Nabi Ismail عَلَيْهِ السَّلَامُ bukan sekadar sejarah, tetapi cerminan ketaatan yang perlu dihidupkan dalam jiwa generasi hari ini. Nabi Ismail عَلَيْهِ السَّلَامُ, seorang remaja, menunjukkan kepatuhan yang luar biasa apabila sanggup mengorbankan dirinya demi perintah Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Persoalannya, apakah “Ismail” yang perlu dikorbankan hari ini? Bagi remaja, mungkin ia adalah hawa nafsu, ketagihan gajet, pergaulan bebas atau kecenderungan kepada perkara yang melalaikan. Remaja berilmu ialah mereka yang bukan sahaja bijak berfikir, tetapi mampu mengawal diri dan berkorban meninggalkan perkara yang dimurkai Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

SIDANG HADIRIN YANG DIMULIAKAN,

Mengakhiri khutbah, berikut merupakan langkah-langkah memperkasakan remaja:

Pertama: Didiklah anak-anak dengan asas agama yang kukuh, khususnya dengan memastikan mereka mampu membaca dan memahami al-Quran sebagai panduan hidup.

Kedua: Pantau dan kawal penggunaan gajet serta media sosial supaya anak-anak tidak terdedah kepada kandungan negatif yang merosakkan.

Ketiga: Bimbing anak-anak agar menjaga tutur kata dan adab kerana akhlak yang baik merupakan cerminan kepada keperibadian seorang Muslim.

Keempat: Berikan sokongan kepada pihak sekolah dan guru, khususnya dalam usaha mendisiplinkan anak remaja.

Kelima: Awasi pergaulan anak-anak di luar rumah, termasuk aktiviti mereka pada waktu malam, agar tidak terlibat dengan gejala sosial.

Semoga dengan usaha kita hari ini, akan lahir seorang lagi pemimpin seperti Sultan Muhammad Al-Fatih, penakluk Kota Konstantinopel.

Firman Allah dalam Surah Luqman ayat 17:

يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۗ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ
عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

Maksudnya: "Wahai anakku! Dirikanlah solat, suruhlah manusia berbuat kebaikan dan cegahlah mereka daripada kemungkaran, serta

bersabarlah terhadap segala ujian yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk perkara yang sangat dituntut.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2017 memutuskan bahawa menggerakkan tabung kutipan derma atau sumbangan ketika khutbah Jumaat adalah makruh kerana boleh mengganggu tumpuan jemaah terhadap khutbah, dan disarankan agar kutipan dilakukan sebelum khutbah atau selepas solat Jumaat, serta memperbanyakkan tabung di setiap lorong saf, di laluan dan pintu keluar masuk masjid serta di lokasi yang sesuai bagi memudahkan jemaah menyumbang tanpa menjejaskan adab mendengar khutbah.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Suka khatib berpesan memandangkan kita masih berada dalam hari-hari Tasyrik, iaitu hari yang penuh keberkatan sisi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** menyifatkan hari-hari Tasyrik sebagai hari makan, minum dan mengingati Allah. Justeru, janganlah hati kita lalai daripada terus membesarkan Allah dengan memperbanyakkan takbir, tahmid, tahlil dan zikir. Hidupkan suasana rumah dan masyarakat dengan kalimah-kalimah yang mengingatkan manusia kepada Allah. Pada hari-hari inilah juga umat Islam yang melaksanakan ibadah korban sedang menyempurnakan syiar pengorbanan dan ketaatan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Hari Tasyrik juga mendidik kita tentang nilai syukur, persaudaraan dan kepedulian sesama insan. Ketika kita menikmati rezeki dan nikmat Allah, janganlah dilupakan golongan fakir, miskin, jiran tetangga, warga emas serta mereka yang sedang diuji dengan kesusahan hidup. Jadikan semangat korban sebagai dorongan untuk kita mengorbankan sifat bakhil, ego dan mementingkan diri. Mudah-mudahan melalui penghayatan Zulhijjah dan Hari Tasyrik ini, lahir jiwa-jiwa mukmin yang lebih bertakwa, bersyukur dan sentiasa dekat kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

**اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،**



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاحْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطَيْنِ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فَيْمَنُ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةَ فُؤَلَاوِ فَيْنِغَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri

Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG